

Sarkina Bt Mat Saad @ Shaari

From: Hal Ehwal Pelajar
Sent: Selasa, 7 Februari 2017 4:32 ptg
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Cc: Azhar B Anis Mohammad; Dr. Mohd Dino Khairri Bin Shariffuddin; Dr. Fadzli Shah bin Abd. Aziz; Azhar B Jamil
Subject: PPNS: PUSAT PENGURUSAN PERNIAGAAN & SISWANIAGA JABATAN HAL EHWAL
TERIMA LAWATAN PENANDA ARAS DARI PUSAT PEMBANGUNAN
KEUSAHAWANAN UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS (UPSI)



7 FEBRUARI 2017, SELASA | 10 JAMADILAWAL 1438H



HEP ONLINE: Pada 18 Januari 2017 (Rabu) lalu, Pusat Pengurusan Perniagaan & Siswaniaga (PPNS) telah menerima lawatan penanda aras dari Pusat Pembangunan Keusahawanan, Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) yang diketuai oleh Dr. Azrin Md Latip yang merupakan

Pengarah di pusat berkenaan bersama 20 orang pegawai dan staf yang terdiri daripada pensyarah, staf dan pelajar.

Pengarah Jabatan Hal Ehwal Pelajar, Dr. Mohd Dino Khairri Shariffuddin pada pertemuan berkenaan mengalu-alukan lawatan delegasi UPSI ke JHEP amnya dan ke PPNS khususnya. Delegasi berkenaan disambut oleh Pengarah PPNS, Dr. Fadzli Shah Abd. Aziz dan Puan Syazwani Daud, Penolong Pendaftar beserta beberapa orang staf PPNS.

Perbincangan berkenaan fungsi dan peranan yang dimainkan oleh PPNS JHEP telah dijelaskan oleh Pengarah PPNS kepada delegasi berkenaan terutama berkaitan aspek kemudahan pembiayaan, infra dan fasiliti yang ditawarkan dalam memperkasakan bidang keusahawanan dalam kalangan pelajar UUM. Tambahan lagi, perbincangan juga tertumpu kepada perlaksanaan projek naik taraf Varsity Mall dan kawal selia premis perniagaan yang terdapat di UUM. Sesi perbincangan dua hala ini diakhiri dengan lawatan delegasi ke Varsity Mall UUM.

Habis.

UNIT PENERBITAN, MEDIA DAN PENYELIDIKAN

JABATAN HAL EHWAL PELAJAR, UNIVERSITI UTARA MALAYSIA, 06010 UUM SINTOK, KEDAH

Website: www.hep.uum.edu.my | Emel: hep@uum.edu.my | Facebook: <https://www.facebook.com/hep.uum>

